

25/01/2000

Syor akhbar Umno guna nama Wawasan

KOTA BHARU, Isnin - Umno disaran menggunakan nama lebih sesuai untuk akhbarnya yang akan diterbitkan semula bagi menyalurkan maklumat dan kegiatan parti kepada ahli serta rakyat.

Penggunaan nama baru disifatkan wajar supaya ia sesuai dengan keadaan semasa pada alaf baru dalam menyalurkan maklumat tepat ke arah memastikan keutuhan perjuangan Umno pada masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Media dan Seranta Umno bahagian Peringat, Mohd Noor Jusoh, berkata adalah amat sesuai jika akhbar itu diberi nama Wawasan, berbanding nama lamanya, Merdeka yang agak terkebelakang.

Beliau berkata, nama Wawasan juga lebih mencerminkan perjuangan parti untuk seluruh orang Melayu di negara ini.

"Nama itu mencerminkan hasrat kepimpinan negara untuk melihat negara dan rakyat terus maju menjelang tahun 2020.

"Ia dianggap sesuai berdasarkan pelbagai perubahan dan dasar diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya membawa negara terus maju yang kini masuk ke alaf baru menuntut semua pihak menjayakan Wawasan 2020, dicetuskan Presiden Umno itu," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Justeru, katanya akhbar Umno ini hendaklah memberi tumpuan lebih serius kepada penyaluran maklumat bagi mendedahkan segala usaha, kegiatan dan dasar parti yang dilaksanakan untuk ahli parti dan rakyat.

"Paling penting ahli parti sendiri perlu menyedari hakikat perjuangan Umno memelopori kemerdekaan negara turut menjadi intipati kepada kesedaran orang Melayu menerusi penerbitan akhbar itu," katanya.

Beliau berkata, media adalah salah satu saluran amat penting dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Katanya, pada masa sama media juga mempunyai peranannya tersendiri dan begitu berpengaruh ke atas pemikiran masyarakat terhadap sesuatu laporan yang disiarkan.

"Adalah tidak menghairankan jika parti pembangkang seperti Pas begitu kuat memperalatkan lidah rasminya, Harakah untuk mempengaruhi rakyat dan penyokongnya terutama perkara membabitkan kepentingan politik parti dan pemimpinnya.

"Sebab itu, serangan terhadap Umno dan kerajaan Barisan Nasional (BN), Harakah dilihat keterlaluan membuat laporan sehingga melampaui batasan apabila tidak menghormati ketelusan kerajaan bersikap toleransi terhadap akhbar itu," katanya.

Kelmarin Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Umno akan menerbitkan semula akhbarnya, Merdeka secepat mungkin bagi menyalurkan maklumat secara lebih jelas dan berkesan mengenai kegiatan serta dasar parti kepada ahlinya.

Ditanya apakah lidah rasmi Umno bakal diterbitkan itu mampu mengubah minda negatif rakyat dilihat semakin terpengaruh dengan Harakah terutama isu politik yang dibangkitkan, beliau berkata penerbitan akhbar itu diharap dapat mengimbangi serangan parti pembangkang yang menggunakan akhbarnya terhadap Umno dan kerajaan BN.

"Apabila Umno mempunyai akhbar sendiri, diharap rakyat dan ahli Umno sendiri tidak lagi mudah keliru atau terpengaruh dengan dakwah pembangkang seperti Pas menggunakan Harakah menghentam Umno dan kepimpinannya," katanya.

(END)

